

Hala tuju graduan dipantau

Metro (Isnin) September 18/3/2012, ms. 38



DR Rujhan (empat dari kanan) dan Dr Daing Nasir (kanan) tertarik dengan persembahan robot.

FOTO: AFI ABD HALIM

■ KPT wujudkan sistem pengesanan kesan siswazah menganggur

Oleh Md Izzuddin
am@hmetro.com.my
Kuantan

Kadar pengangguran graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) dapat dipantau dengan sistem pengesanan yang akan diwujudkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Menerusi sistem berkenaan, ia mampu mengesan hala tuju graduan walaupun selepas setahun mereka menamatkan pengajian. Ketua Pengarah Jabatan

Pengajian Tinggi (IPT) Profesor Datuk Dr Rujhan Mustafa berkata, dengan adanya sistem itu, pihaknya dapat mengesan jenis pekerjaan dan gaji diperoleh graduan selepas mereka melangkah kaki ke dunia pekerjaan.

“Buat masa ini, setiap universiti hanya dapat mengesan hala tuju graduan masing-masing dalam jangka masa enam bulan saja selepas mereka tamat pengajian.

“Kita sudah mengadakan perbincangan awal dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) da-

lam mesyuarat baru-baru ini,” katanya pada sidang media sempena program Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) Jom Masuk U, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Katanya, kajian dalam jangka masa enam bulan ini, 75 peratus pelajar tamat pengajian tahun 2012 mendapat pekerjaan.

FAKTA

Sistem itu mampu kesan hala tuju graduan walaupun setahun mereka tamat pengajian